



JABATAN PERDANA MENTERI.
MALAYSIA.
JALAN DATO ONN,
KUALA LUMPUR.

Telefon: 203722
Kawat: PERDANA

Ruj. Kami: PM. (S) (BK) 1.1/65/1401

Tarikh: 19hb. Oktober, 1981

Semua Ketua-ketua Pengarah Jabatan-jabatan Persekutuan

Semua Ketua-ketua Badan Berkanun

SURAT PEKELILING AM BIL: 10/81

Cogan kata "APAKAH SUMBANGAN ANDA KEPADA
AGAMA DAN NEGARA?"

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya cogan kata seperti yang disebutkan di atas digunakan. Cogan kata ini merupakan satu panduan kita semua. Ia juga merupakan peringatan supaya kita sedar akan tanggungjawab kepada Agama dan Negara. Falsafah yang terkandung di dalam cogan kata ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk menubuhkan sebuah negara yang aman dan makmur berlandaskan perinsip-perinsip Rukunegara.

2. Buat permulaannya cogan kata ini ditujukan kepada Ahli-ahli Pentadbiran, Pegawai-pegawai dan kakitangan awam di semua peringkat dalam perkhidmatan Persekutuan dan Negeri.

3. Jabatan Penerangan telah ditugaskan untuk menyediakan bahan-bahan seranta yang cukup untuk diedarkan kepada semua agensi Kerajaan. Tuan diminta menggunakan cogan kata ini seluas-luasnya dengan cara memperlekatkan di papan-papan notis atau meletakkannya pada tempat-tempat yang strategik dalam bangunan-bangunan tuan. Papan-papan tanda yang kekal boleh juga dibuat dan diletakkan ditempat-tempat yang sesuai. Cogan kata ini tidak perlu dicap pada surat-surat rasmi oleh kerana sudahpun ada cogan kata "Berkhidmat Untuk Negara" yang dicetak.

Hashim

(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara.

s.k.

627

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.